



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS)	MUKA SURAT	18
TARIKH	13/6/2018	UMUM	
JABATAN			
KLASIFIKASI			MAKLUMAN



BANYAK cara bagaimana memupuk kesedaran tentang pentingnya penjagaan alam sekitar terutama dalam kalangan generasi muda.

Antara kerosakan aset alam sekitar yang semakin membimbangkan adalah karang yang menjadi sebahagian daripada ekosistem.

Malaysia antara negara di dunia yang mempunyai karang yang menarik dan kepelbagaian spesies yang tinggi tetapi isu kerosakan karang menjadi topik yang membimbangkan pencinta alam sekitar.

Selain program kesedaran berbentuk aktiviti di lapangan, banyak program lain boleh diadakan bagi memberi kefahaman akan pentingnya pemuliharaan karang yang terdapat di negara ini.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebagai contoh menggunakan pendekatan berbentuk persembahan Bicara Berirama (*Choral Speaking*) melibatkan sekolah seluruh negara.

Menurut Naib Canselornya, **Prof. Datuk Dr. Nor Aeni Mokhtar**, penganjur program tersebut bertujuan meningkatkan kemahiran komunikasi menggunakan medium persembahan berkaitan alam sekitar.

"Ini satu cara yang kreatif apabila kita menyampaikan mesej dalam bentuk nyanyian," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian pada program Pertandingan Bicara Berirama yang merupakan

Bicara berirama tanam minat jaga alam sekitar

Oleh **LAUPA JUNUS**
laupajunus@hotmail.com



penganjuran kedua diadakan di kampus UMT Kuala Terengganu, Terengganu baru-baru ini.

Program tersebut diadakan susulan kejayaan pertandingan kali pertama ini pada 2017 yang melibatkan pelajar dari sekolah berasrama penuh dan sekolah kecemerlangan seluruh negara

Penganjuran pertandingan tersebut diadakan sempena *World Oceans Week (WOW)* yang disambut setiap tahun oleh UMT. Tema tahun ini adalah *Bersihkan Lautan Kita*.

Penganjuran WOW 2018 dibuat dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat, dan pelajar tentang kepentingan menjaga dan memulihara laut serta memberi peluang untuk mereka terlibat secara langsung bersama UMT dalam melindungi alam sekitar juga menyemai semangat untuk bersama melindungi biodiversiti marin.

Menurut Nor Aeni, banyak cara untuk menunjukkan penghayatan

dan kesedaran tentang alam sekitar dan memberi tahu orang lain mengenai hasil penyelidikan yang dijalankan.

Justeru UMT, kata beliau bekerjasama dengan pelbagai pihak khususnya Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) bagi menganjurkan program tersebut. Pihak lain yang terlibat adalah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

UMT menerusi pusat kecemerlangan peringkat tinggi (HiCOE) nya, Institut Oseanografi dan Sekitaran (Inos) merupakan penganjur utama.

Mengenai pemuliharaan karang, beliau berkata, antara usaha yang dilakukan adalah memperkenalkan *Marin Special Planning* iaitu satu sistem



NOR AIENI MOKHTAR



MOHD NIZAM ISMAIL

pengurusan dan pemuliharaan karang yang sistematik.

Katanya, mesti ada perancangan mengurus sumber seperti karang supaya ia dapat dimanfaatkan bukan sahaja untuk kepentingan alam sekitar tetapi juga pelancongan.

Kata beliau, UMT menerusi Inos banyak menjalankan penyelidikan mengenai karang dan mempunyai maklumat yang diperoleh hasil kajian penyelidikannya yang boleh dijadikan panduan ke arah pelan pengurusan sumber karang dan perikanan di negara ini.

Pengurusan sumber tersebut boleh menggunakan teknologi sedia termasuk Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan mewujudkan kawasan pengezonan ekologi marin.



PELAJAR Sekolah Menengah Sains Machang membuat persembahan dalam pertandingan Bicara Berirama UMT 2018 di Kuala Terengganu baru-baru ini.

"Pulang Bidong merupakan stesen penyelidikan Marin UMT termasuklah berkaitan ekosistem karang," ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Pengarah Bahagian Pendidikan dan Inteprestasi Maklumat JTLM, **Mohd Nizam Ismail**, litupan karang ketika ini adalah kira-kira 46.7 peratus yang dianggap tahap sederhana.

Justeru, usaha perlu terus dilakukan supaya pertumbuhan karang akan terus meningkat

yang akan memberi impak kepada industri pelancongan.

"Kita boleh lakukan yang terbaik dan mahu supaya masyarakat terus melancong supaya memberi impak dari segi ekonomi kepada penduduk setempat dan pada masa sama memberi kesan kepada alam sekitar.

Pembangunan pusat pelancongan juga sepatutnya mengambil kira mengenai habitat speies marin perlu terus dipulihara.